

Rhacophorus norhayatii

Famili : Rhacophoridae
Genus : *Rhacophorus*
Spesies : *Rhacophorus norhayatii*

Rhacophorus norhayatii pertama kali direkodkan oleh kumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sewaktu Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Panti, Johor pada tahun 2006. Penemuan spesies ini sekaligus merekodkan satu spesies baru yang dinamakan bersempena dengan nama penyelidik yang menjumpai spesies tersebut. Sehingga kini, rekod menunjukkan taburan spesies ini bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah seperti Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah; Tanah Rata Cameron Highlands, Pahang; Gunung Besar Hantu, Negeri Sembilan; Taman Negara Endau Rompin, dan Hutan Simpan Gunung Panti, Johor. Ciri-ciri khas yang ada pada *Rhacophorus norhayatii* yang membezakan spesies ini dengan yang lain adalah Kulit renang antara digit berpigmen gelap (hitam dengan bintik biru), bahagian tepi badan berwarna biru gelap dengan garis nipis berwarna coklat di sempadan dengan dorsal (badan bahagian atas) yang berwarna hijau muda yang sekata. Ukuran bagi katak dewasa adalah 64.7 mm (muncung-anus, SVL); manakala bagi katak dewasa betina adalah maksimum 83 mm.



Famili : Rhacophoridae
Genus : *Rhacophorus*
Spesies : *Rhacophorus norhayatii*